

23/08/2000

Pelantikan Khir proses pembaharuan Umno (HL)

Mohd Fuad Razali in Maputo (Mozambique)

MAPUTO (Mozambique), Selasa - Pelantikan orang muda sebagai Menteri Besar Selangor yang baru boleh dianggap sebagai proses pembaharuan dalam Umno, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pelantikan Dr Mohamad Khir Toyo, 35, ke jawatan itu adalah satu bentuk pembaharuan dalam pentadbiran kerana kerajaan memerlukan kehadiran muka baru dan pemikiran baru.

Malah, Dr Mahathir menegaskan, pelantikan orang muda menduduki jawatan sedemikian bukanlah perkara baru kerana sebelum ini pun beliau pernah berbuat demikian.

"Dulu pun saya pernah lantik orang muda dan tidak ada siapa yang kata apa-apa. Apabila saya lantik Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Tan Sri Isa Samad, mereka adalah muda ketika jadi menteri besar.

"Jadi, saya tidak nampak sebab kenapa orang ramai rasa hairan," katanya kepada wartawan Malaysia selepas berucap di jamuan sempena Dialog Antarabangsa Afrika Selatan 2000, di sini malam tadi.

Ini adalah ulasan pertama Perdana Menteri selepas Dr Mohamad Khir, ahli Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Panjang, dilantik sebagai Menteri Besar pada 18 ogos lalu, menggantikan Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Pelantikan itu agak mengejutkan di kalangan Umno Selangor kerana nama beliau tidak termasuk dalam senarai 11 nama yang dikemukakan oleh badan perhubungan Umno negeri kepada Perdana Menteri untuk dipertimbangkan sebagai Menteri Besar.

Dr Mohamad Khir, seorang doktor gigi, ialah Menteri Besar Selangor paling muda dan Exco Pergerakan Pemuda Umno pertama dilantik menjadi ketua eksekutif sebuah negeri.

Sebelum ini, Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang dilantik Menteri Besar pada usia 44 tahun, adalah tokoh paling muda menjadi Menteri Besar Selangor ketika itu.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dilantik sebagai Menteri Besar Pahang ketika berusia 29 tahun; Isa menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan pada usia 33 tahun, manakala Datuk Dr Rais Yatim dan Rahim, masing-masing dilantik sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan dan Ketua Menteri Melaka pada usia 32 tahun.

Dr Mahathir berkata, jawatan dalam kerajaan tidak boleh diberikan kepada golongan tua saja kerana tindakan itu boleh menyebabkan kekecewaan di kalangan orang muda.

"Kita perlu juga membawa orang baru, dengan pemikiran baru dalam kerajaan. Maka, kita pilih orang muda," katanya.

Katanya, pelantikan itu juga membuktikan jawatan dalam kerajaan bukanlah ganjaran kepada mereka yang berusaha keras untuk mencapai cita-cita peribadi.

"Orang lain pun ada peluang dalam Umno. Kadangkala kita bagi pada orang luar," katanya.

Mengenai sama pelantikan itu telah mengecewakan generasi tua dalam Umno, Dr Mahathir berkata: "Saya berpendapat mereka harus menerimanya kerana mereka telah menyatakan yang mereka akan menerima sebarang keputusan yang saya buat."

Ditanya sama ada generasi tua itu ada membuat bantahan mengenai pelantikan itu, Perdana Menteri mengulangi bahawa mereka telah menyatakan akan menerima dan memberi sokongan penuh terhadap sesiapa saja yang beliau

pilih.

Mengenai sebab lain pemilihan Dr Mohamad Khir, Dr Mahathir berkata beliau mempunyai sedikit sebanyak pengalaman dan kelayakan akademik.

"Kita tengok latar belakang dia, tak ada apa-apa pun yang tidak baik," katanya.

(END)